

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) meneruskan usaha untuk muncul sebagai universiti pengurusan yang terkemuka dalam waktu yang terdekat. Usaha ini telah direalisasikan melalui pelbagai strategi untuk mencapai hasrat tersebut dan antara langkah yang sedang dilaksanakan ialah mengadakan kerjasama dengan beberapa universiti terkemuka di United Kingdom .

Delegasi UUM ke United Kingdom yang diketuai oleh Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak telah mengadakan pertemuan dengan Profesor Dr Rajesh Chandy, Professor Tony and Maureen Wheeler Chair in Entrepreneurship, London Business School yang juga merupakan Professor dalam bidang pemasaran di universiti tersebut.

London Business School (LBS) merupakan institusi pendidikan tinggi yang terkemuka yang kini diiktiraf sebagai tempat pertama dalam *Business School Ranking* oleh Financial Times. LBS yang mula ditubuhkan pada tahun 1964 kini menawarkan beberapa program berprestij antaranya program Master of Business Administration, Master of Finance dan Master of Management yang diiktiraf sebagai program yang terbaik. Selain itu institusi ini juga menawarkan beberapa program jangka pendek secara mod eksekutif kepada ahli-ahli profesional.

Kunjungan ini adalah bersempena dengan lawatan kerja oleh Naib Canselor dan delegasi UUM ke United Kingdom. Selain itu juga delegasi UUM turut mengadakan beberapa program lain antaranya pertemuan dengan staf UUM yang sedang menyambung pengajian peringkat Ph.D di United Kingdom, menganjurkan Persidangan Bersama Malaysian Postgraduate Association di Manchester ,menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan University of Leeds dan juga kunjungan akademik di University of York.

Semasa pertemuan itu juga, Naib Canselor turut menjemput Prof Dr Rajesh Chandy untuk mengadakan *Professional Talk Series* yang dijangka akan diadakan pada 20 Julai depan di salah sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur. Sebelum itu, Prof Dr Rajesh juga akan mengadakan Syarahan Umum di UUM Sintok pada 19Julai ini. Program ini terbuka kepada semua warga kampus khususnya ahli-ahli akademik.

Di akhir pertemuan delegasi UUM telah dibawa melawat kemudahan pembelajaran seperti dewan kuliah, bilik seminar, bilik perbincangan dan kemudahan lain yang terdapat di London Business School.

Kemudahan yang canggih dengan peralatan yang moden, menarik perhatian delegasi UUM. Naib Canselor berkata, sewajarnya UUM juga perlu menyediakan kemudahan infrastruktur seperti itu bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan sempurna sesuai dengan hasrat UUM untuk muncul sebagai Top Business School di rantau ini.

Tambah Dr Mohamed Mustafa lagi, UUM khususnya Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYA COB) wajar mengambil contoh London Business School dalam semua aspek pengurusan institusi berkenaan jika ingin diiktiraf sebagai Top Business School.

Sementara itu, Naib Canselor turut dikunjungi oleh Arul Jothi Kandiah Maheshvaran yang merupakan Tutor dari UUM COB yang sedang menyambung pengajian peringkat Sarjana di University of Cambridge. Pertemuan diadakan di Malaysian Hall London ini bagi mendapatkan maklumbalas prestasi pengajian staf-staf UUM yang sedang menyambung pengajian di luar negara. Turut hadir dalam pertemuan ini ialah Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di United Kingdom, Prof Madya Dr Rosman Abdullah.

Turut serta dalam Delegasi UUM ke United Kingdom ini ialah, Dekan OYA COB, Prof Dr Noor Azizi Ismail dan Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences, Prof Madya Dr Abdul Malek Abd Karim.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my